

BAB 24

PERANCANGAN PENGELOUARAN MAKANAN: GAGAL?

Asan Ali Golam Hassan

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara pengekport dan pengimpor makanan. Import makanan terus meningkat dari tahun ke tahun akibat daripada peningkatan penduduk dan pendapatan perkapita negara. Nilai makanan yang diimport bagi tempoh Januari hingga Julai 1997 berjumlah RM5,559.398 juta. Daripada jumlah itu import ikan dan hasil perikanan berjumlah RM499.743 juta, import ternakan dan hasil ternakan ialah RM888.989 juta, import hasil-hasil tanaman berjumlah RM3,738.923 juta dan jenis makanan lain berjumlah RM431.743 juta¹.

Import makanan meningkat sebanyak 17 peratus daripada RM7.9 bilion (1995) kepada RM9.1 bilion (1996). Sebahagian besar import makanan berupa daging lembu, tenusu, beras, sayur-sayuran, buah-buahan, biji-bijian, gula, kambing, biri-biri dan ikan². Bagi tahun 1990, setiap RM1 eksport barang pertanian (barang sektor pertama kecuali perlombongan), akan melibatkan import barang makanan sebanyak 27 sen dan ia meningkat kepada 35 sen pada tahun 1995 (Malaysia, 1991; 1996).

Import barang makanan Malaysia terus meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 1996, nilai import makanan telah meningkat hampir satu bilion. Rakyat Malaysia masih membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka untuk membeli makanan. Pada masa yang sama pengeluaran makanan dalam negara bagi barang-barang makanan tertentu terus berkurangan. Keadaan ini seterusnya akan membawa kepada masalah kadar mampu diri yang rendah dan negara akan terpaksa terus mengimport makanan dari negara luar.

Senario ekonomi masa kini juga jelas menunjukkan kepentingan sektor pertanian dari segi sumbangannya kepada KDNK dan guna tenaga semakin berkurangan. Begitu juga dengan pengeluaran pinjaman oleh institusi-institusi kewangan pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor pertanian dan industri makanan terus dipinggirkan. Walaupun perancangan yang khusus telah dibuat melalui Dasar Pertanian Negara namun import makanan terus meningkat. Dari segi pengeluaran dan kadar mampu diri, pencapaian DPN didapati tidak menentu, barang yang hendak dikurangkan pengeluarannya terus meningkat sebaliknya barang yang hendak ditingkatkan pengeluarannya terus berkurangan (Asan Ali & Ahmad, 1999; Ahmad Mahdzan, 1993)

Perancangan dan Pencapaian Sektor Makanan

Perancangan sektor pertanian secara lebih sistematik dan terarah telah bermula sejak Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) dan telah diperkemaskan lagi selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan (1971-1990). Pelbagai agensi kerajaan sama ada pada peringkat persekutuan, negeri atau wilayah telah ditubuhkan bagi meningkatkan pengeluaran pertanian dan untuk mengatasi masalah kemiskinan penduduk luar bandar.

Dasar pertanian secara khusus, Dasar Pertanian Negara yang pertama (DPN) telah dilancarkan pada tahun 1984, manakala DPN Kedua (1992-2010) telah menggantikan DPN I yang telah dinilai semula pada tahun 1992. DPN pertama didapati ada kekurangan kerana tiada sasaran matlamat dari segi guna tenaga, nilai ditambah, eksport dan rantaiannya dengan sektor pembuatan terkandung di dalamnya³.

Walaupun sumbangan mutlak sektor pertanian kepada KDNK semakin meningkat, sumbangannya kepada KDNK dan guna tenaga secara relatifnya semakin berkurangan akibat pertumbuhan pesat sektor perindustrian. Fenomena ini memang tidak dapat dielakkan kerana ia berlaku akibat pembangunan ekonomi yang pesat di luar sektor pertanian terutama sektor perindustrian. Walau bagaimanapun, apa yang lebih penting dititikberatkan ialah kadar mampu diri (*rate of self-sufficiency*) pengeluaran makanan negara dan pengurangan import barang makanan. Walaupun bagi sesetengah barang makanan (seperti susu) negara sukar mencapai kadar mampu diri 100 peratus, sekurang-kurangnya kadar yang dicapai dapat ditingkatkan dan import makanan dikurangkan dari setahun ke setahun.

Peningkatan import makanan tanpa disusuli oleh peningkatan penawaran makanan akan membawa kepada masalah kadar mampu diri yang rendah. Selain itu, ia juga akan membesarkan lagi defisit imbalan pembayaran negara. Dengan bilangan penduduk dan KDNK yang semakin meningkat, dijangka import makanan juga akan terus meningkat. Sejauh mana penggunaan dan import barang makanan ini meningkat dipengaruhi oleh keanjalan pendapatan permintaan dan kecenderungan mengguna sut (MPC) pengguna. Lonjakan harga makanan telah membangkitkan kesedaran kepentingan sektor pertanian dalam menentukan kestabilan ekonomi negara. Cadangan reformasi sektor pertanian terutamanya yang berasaskan makanan harus disegerakan bagi menghidupkan semula sektor ini.

Perbelanjaan untuk makanan merupakan bahagian yang terbesar dari jumlah perbelanjaan bulanan purata isi rumah. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (PPI), pada tahun 1993, 22.7 peratus daripada perbelanjaan bulanan isi rumah dibelanjakan untuk makanan (*Jadual 24.1*). Bahagian perbelanjaan Isi Rumah Bulanan Purata untuk makanan mewakili peratusan yang terbesar walaupun peratusannya semakin berkurangan.

Laporan PPI juga menunjukkan hampir 14 peratus daripada perbelanjaan makanan bulanan digunakan bagi membeli daging segar, diikuti dengan ikan segar, sayur-sayuran

sun beras. Malaysia mengimpor beras dari Thailand, Vietnam, Pakistan, India dan Amerika Syarikat.

Komposisi Perbelanjaan Isi Rumah Bulanan Purata, Semenanjung Malaysia

Kumpulan Perbelanjaan	1973		1980		1993	
	RM	%	RM	%	RM	%
Makanan	111.11	36.2	187.84	28.4	259.78	22.7
Minuman & tembakau	11.66	3.8	21.16	3.2	28.33	2.5
Pakaian & kasur	17.19	5.6	31.09	4.7	38.72	3.4
Sewa kasar, bahan api & kuasa	45.73	14.9	116.41	17.6	240.60	21.0
Perbor. hiasan rumah & perkakas & kejiran isi rumah	12.58	4.1	40.35	6.1	63.32	5.5
Perbelanjaan rawatan perubatan & kesihatan	5.22	1.7	8.60	1.3	21.94	1.9
Pengangkutan dan komunikasi	37.45	12.2	119.71	18.1	211.46	18.5
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan & kebudayaan	20.56	6.7	46.30	7.0	65.92	5.7
Pelbagai barang dan perkhidmatan	45.43	14.8	89.94	13.6	215.43	18.8
Perbelanjaan makan di luar rumah					125.16	10.9
Perbelanjaan minum di luar rumah					18.61	1.6
Pelbagai barang & perkhidmatan lain					71.66	6.3
Perbelanjaan isi rumah bulanan purata	306.93	100	661.40	100	1,145.50	100

Sumber: Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Semenanjung Malaysia (1980), Sabah & Sarawak (1982), Jabatan Perangkaan Malaysia, 1986, ms.13. Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 1993/94, Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995, ms.11

Pencapaian DPN: Pengurangan Import Makanan

Import jumlah barang makanan terus meningkat dari setahun ke setahun. Walaupun pengurangan import makanan bukanlah salah satu daripada objektif khusus DPN namun peningkatan pengeluaran dan nilai ditambah merupakan salah satu daripada rangka kerja makro sektoral DPN.

"Penekanan yang lebih akan diberikan kepada pembangunan tanaman-tanaman yang pelbagai, terutamanya pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan, termasuk pengeluaran perikanan dan ternakan yang potensinya untuk penggantian import akan dimaju dan digalakkan".

(DPN 1992-2010, 1994:23)

Secara purata DPN I telah berjaya mengurangkan import mentega dan barangan mentega, beras, bijirin dikisar, sediaan bijirin dan sediaan kanji, buah diawet, kopi, koko dan teh. Walau bagaimanapun, barangan ini (kecuali beras) merupakan barang makanan yang kurang penting (dari segi bahagian dari perbelanjaan isi rumah).

Import barang makanan penting seperti binatang hidup telah meningkat sebanyak 111 peratus pada penghujung DPN I, dibandingkan dengan nilainya pada tahun 1984 (bermulanya DPN I). Dalam tempoh yang sama, import daging dan makanan daripada daging meningkat sebanyak 50 peratus, susu, krim dan barang susu sebanyak 138 peratus, keju dan dadih 153 peratus, ikan 164 peratus, gandum 67 peratus, sayur 71 peratus, buah dan kacang 22 peratus, gula 53 peratus, rempah 50 peratus dan bahan-bahan makanan binatang 85 peratus. Import keseluruhan, ia telah meningkat kepada 49 peratus pada penghujung DPN I.

Pencapaian DPN II pula sehingga tahun 1996, menunjukkan import makanan bagi semua jenis barang makanan (*Jadual 24.2*) yang semakin meningkat. Import barang yang telah berjaya dikurangkan pada penghujung DPN I seperti mentega dan barang mentega, beras, bijirin dikisar, sediaan bijirin dan sediaan kanji, buah diawet, kopi, koko dan teh juga telah meningkat semula berbanding dengan nilainya pada tahun 1992 (bermulanya DPN II). Import mentega dan barang mentega telah meningkat sebanyak 19 peratus, beras 55 peratus, bijirin dikisar 40 peratus, sediaan bijirin dan sediaan kanji 107 peratus, buah diawet 51 peratus, kopi 137 peratus, koko 1,189 peratus dan teh 36 peratus.

Dalam tempoh yang sama, import barang makanan lain seperti binatang hidup telah meningkat sebanyak 53 peratus, daging dan makanan daripada daging 82 peratus, susu, krim dan barang susu sebanyak 52 peratus, keju dan dadih 95 peratus, ikan 39 peratus, gandum 64 peratus, sayur 86 peratus, buah dan kacang 58 peratus, gula 51 peratus, rempah 49 peratus dan bahan-bahan makanan binatang 92 peratus. Dari segi import keseluruhan, ia telah meningkat kepada 67 peratus pada tahun 1996 iaitu lebih tinggi dari peratus peningkatan import makanan pada penghujung DPN I (49%).

Pencapaian DPN: Peningkatan Pengeluaran dan Kadar Mampu Diri

Matlamat pengeluaran barang makanan penting (kecuali beras) dan kadar mampu diri tidak dinyatakan dengan jelas dalam DPN I. Berbanding dengan DPN II pula, sasaran pengeluaran dan kadar mampu diri barang makanan penting seperti beras, sayur-sayuran, telur, ikan, daging (lembu, kambring, ayam dan khinzir), buah-buahan dan susu serta kadar pertumbuhannya telah dinyatakan dengan agak lengkap kerana ianya penting dari segi keselamatan makanan.

“Dasar makanan akan mempunyai matlamat ke arah meningkatkan paras pengeluaran secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat bagi barang makanan yang penting”.

(DPN 1992-2010, 1994:41)

Setelah mengambil kira faktor faedah berbanding, DPN II telah menetapkan sasaran jumlah pengeluaran tempatan barang makanan penting dan kadar mampu-diri bagi tahun 1995 dan 2000 (*Jadual 24.3*). Walau bagaimanapun, pada tahun 1995 pencapaian

Jadual 24.2

Purata Perubahan Import Makanan selepas Pelancaran DPN I dan DPN II

Kod STC	Bahagian/Seksyen	DPN I ¹	DPN II ²
		Bertambah	Bertambah
00	Binatang hidup	Bertambah	Bertambah
01	Daging & makanan daripada daging	Bertambah	Bertambah
022	Susu, krim & barang susu kecuali mentega dan keju	Bertambah	Bertambah
023	Mentega & barang minyak & lemak selain daripada susu	Berkurangan	Bertambah
024	Keju & dadih	Bertambah	Bertambah
03	Ikan, krustasea & moluska	Bertambah	Bertambah
041	Gandum & meslin, tidak dikisar	Bertambah	Bertambah
042	Beras	Berkurangan	Bertambah
047	Bijirin TSTL, dikisar	Berkurangan	Bertambah
048	Sediaan bijirin & sediaan kanji atau tepung buah-buahan atau sayur-sayuran	Berkurangan	Bertambah
054	Sayur segar, didinginkan, disejukbekukan, diawet	Bertambah	Bertambah
057	Buah & kacang, mentah, kering	Bertambah	Bertambah
058	Buah, diawet & sediaan buah	Berkurangan	Bertambah
06	Gula, sediaan gula & madu	Bertambah	Bertambah
071	Kopi & penggantinya	Berkurangan	Bertambah
072	Koko	Berkurangan	Bertambah
074	Teh & mate	Berkurangan	Bertambah
075	Rempah-rempah	Bertambah	Bertambah
08	Bahan-bahan makanan binatang kecuali bijirin tidak dikilang	Bertambah	Bertambah

¹1984-1992, ²sehingga 1996

Sumber: Asan Ali & Mahdzan Ayob, 1999

Pengeluaran daging lembu, kambing dan bebiri, daging ayam, susu lembu dan telur lebih rendah daripada sasaran yang telah ditetapkan. Manakala pengeluaran beras dan daging khinzir pula sebaliknya (lebih besar daripada sasaran).

Selepas pelancaran DPN I, pengeluaran daging lembu tidak menunjukkan tanda-tanda peningkatan, hanya pada penghujung DPN I, pengeluaran daging lembu lelah meningkat

sebanyak 1.6 peratus berbanding dengan pengeluarannya pada tahun 1984. Pengurangan pengeluaran ini disebabkan oleh kos pengeluaran yang semakin meningkat.

Selepas pelancaran DPN II (1992), pengeluaran daging lembu telah mula meningkat ekoran daripada dasar-dasar khusus peningkatan pengeluaran daging lembu melalui perluasan integrasi ternakan lembu dan pengeluaran *fidlot*. Walau bagaimanapun, pengeluaran daging lembu hanya meningkat sebanyak 8 peratus kepada 14,400 tan berbanding dengan sasarannya sebanyak 60 peratus (21,375 tan) pada tahun 1995. Walaupun pengeluaran terus meningkat berbanding dengan tahun 1992, kadar mampu-diri semakin berkurangan. Pada tahun 1995, kadar mampu-diri daging lembu hanyalah 19.7 peratus berbanding dengan sasarannya sebanyak 28 peratus.

Jadual 24.3
Sasaran, Pencapaian dan Unjuran Pengeluaran dan Kadar Mampu Diri

Tahun 1995	Pengeluaran		Kadar Mampu-Diri	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
Daging Lembu (tan)	21,375	14,400	28.00	19.73
Daging Kambing-Bebiri (tan)	2,250	530	30.00	4.84
Daging Khinzir (tan)	126,124	246,620	76.00	141.77
Daging Ayam-Itik (tan)	700,000	631,360	124.00	114.32
Telur ('000' biji)	6,834,674	6,164,000	115.00	110.40
Beras (tan)	1,120,000	1,373,000	52.00	76.36
Susu Lembu ('000' litter)	40,763	30,879 ¹	5.00	5.76 ¹
 2000				
Daging Lembu (tan)	Sasaran 27,750	Pencapaian ² 15,000	Sasaran 30.00	Pencapaian ² 8.00
Daging Kambing-Bebiri (tan)	3,950	620	43.00	5.00
Daging Khinzir (tan)	84,143	380,000	45.00	175.00
Daging Ayam-Itik (tan)	950,000	940,000	139.00	131.00
Telur ('000' biji)	8,518,327	8,600,000	120.00	122.50
Beras (tan)	1,102,000	1,400,000	65.00	70.00
Susu Lembu ('000' litter)	46,349	40,000	5.00	3.00

¹ data bagi tahun 1994

² unjuran penyelidik

Sumber: Asan Ali & Mahdzan Ayob, 1999

Bagi daging kambing (termasuk bebiri) pula, pengeluarannya berkurangan kepada 530 tan (1992; 658 tan) berbanding sasarannya sebanyak 2,250 tan pada tahun 1995. Ini menyebabkan kadar mampu-diri daging kambing semakin mengecil kepada 4.8 peratus pada tahun 1995 (1992; 7.3%) berbanding dengan sasarannya sebanyak 30 peratus. Keadaan ini menggambarkan langkah-langkah galakan seperti pengimportan baka-baka eksotik, menambah bilangan asas bebiri betina dan perluasan Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) tidak berjaya meningkatkan pengeluaran daging kambing.

Keadaan yang sebaliknya pula berlaku pada pengeluaran daging khinzir, pengeluaran meningkat hampir dua kali ganda berbanding dengan sasarannya pada tahun 1995 walaupun kerajaan cuba mengurangkan pengeluaran dan kadar mampu-diri daging khinzir bagi pengawalan pencemaran dan penjagaan standard persekitaran. Pengeluaran daging khinzir meningkat kepada 246,620 tan pada tahun 1995 (1992; 222,373 tan) berbanding dengan sasarannya 126,124 tan. Kadar mampu-diri daging khinzir juga telah meningkat kepada 141.8 peratus (1992; 140.1%) lebih besar dari sasarannya iaitu sebanyak 76 peratus pada tahun yang sama.

Bagi pengeluaran daging ayam (termasuk itik) pengeluarannya menunjukkan trend yang semakin meningkat. Pengeluarannya telah meningkat kepada 631,360 tan (1992; 497,295 tan). Walau bagaimanapun, pencapaian ini lebih rendah daripada sasarannya sebanyak 700,000 tan pada tahun 1995. Kadar mampu-diri daging ayam berkurangan kepada 114.3 peratus (1992; 115.2%) dan lebih rendah daripada sasarannya 124 peratus pada tahun yang sama. Keadaan yang sama juga berlaku pada pengeluaran telur ayam (termasuk itik). Pengeluarannya telah meningkat kepada 6,164,000 juta biji (1992; 5,780,000 juta) pada tahun 1995, lebih rendah daripada sasarannya 6,834,600 juta biji pada tahun 1995. Kadar mampu-diri pengeluaran telur telah berkurangan kepada 110.4 peratus (1992; 111.9%) lebih rendah daripada sasarannya 125 peratus pada tahun 1995.

Walaupun negara mengalami kurang faedah berbanding dalam pengeluaran beras (padi), pengeluaran dan kadar mampu-diri beras pula lebih besar daripada sasarannya DPN II. Pengeluaran beras telah meningkat kepada 1,373,000 tan (1992; 1,298,000 tan) berbanding dengan sasarannya 1,120,000 tan pada tahun 1995. Kadar mampu dirinya pula meningkat kepada 76.4% (1992; %) berbanding sasarannya 52% pada tahun yang sama.

Keperluan Kepada Perancangan Makanan Lestari

Kegawatan ekonomi yang dialami sekitar 1997/1998 telah membuka mata perancangan perancang dasar betapa perlunya pengukuhan dan peningkatan pengeluaran makanan dikawal selia dengan semantap mungkin. Dasar makanan haruslah menjadi teras utama dalam penggubalan Dasar Pertanian Negara III. Penekanan kepada Dasar Makanan yang mapan bukan sahaja dapat mengurangkan pengaliran keluar wang negara, mengecilkan defisit imbanginan perdagangan makanan, terapi juga penting dari segi keselamatan makanan negara (*national food security*).

Tumpuan dasar bagi mengurangkan import makanan haruslah kepada barang yang mencatatkan defisit yang besar dalamimbangan pembayaran makanan dan barang makanan penting setelah mengambil kira faktor faedah berbanding dan agroklimatik (Jadual 24.4). Pengeluaran barang makanan seperti gula, sayur-sayuran dan daging boleh dipertingkatkan lagi kerana kurang dipengaruhi oleh faktor agroklimatik. Selain daripada itu, tumpuan dasar juga haruslah mengambil kira faktor keanjalan pendapatan kerana ia akan mempengaruhi kecenderungan untuk mengimport makanan dengan memberi keutamaan kepada barang yang mencatatkan keanjalan pendapatan yang tinggi kerana kecenderungan barang ini untuk terus diimport lebih besar.

Jadual 24.4
Inibangan Pembayaran Barang Makanan, 1996 & 1997 (RM Juta)

Kumpulan Makanan	1996			1997		
	Eksport	Import	Imbangan Perdagangan	Eksport	Import	Imbangan Perdagangan
Bijiran	390.4	2,522.2	-2,131.8	381.6	2,651.3	-2,269.7
Hasil Tenuku	275.1	983.0	-707.9	346.8	993.4	-646.6
Gula	213.2	875.5	-662.3	223.3	981.1	-757.8
Sayur-Sayuran	160.2	769.7	-609.5	177.0	846.3	-669.3
Buah-Buahan	359.4	500.5	-141.1	371.0	528.1	-157.1
Ikan	805.8	834.7	-28.9	926.4	916.1	10.3
Daging	696.0	573.3	122.7	680.1	700.5	-20.4
Kopi, Koko, Teh & Rempah	790.2	383.2	407.0	1,037.8	506.1	531.7
Lain-Lain Makanan	619.0	772.6	-153.6	839.9	899.3	59.4
JUMLAH	4,309.3	8,214.7	-3,905.4	4,983.9	9,022.2	-4,038.3

Sumber: Kementerian Pertanian Malaysia

Data 1996 dan 1997 menunjukkan defisit yang besar dalamimbangan pembayaran yang disumbangkan oleh import input-input pertanian (melebihi RM1.6 billion). Pengeluaran input pertanian tempatan (makanan ternakan, racun, baja, ubatan) perlu ditingkatkan segera bagi menggantikan produk import. Ini kerana 21 peratus daripada import makanan dan input pertanian terdiri daripada barang tersebut (Jadual 24.4). Kenaikan harga input pertanian akan meningkatkan kos pengeluaran dan mengurangkan daya saing keluaran makanan tempatan. Peranan P&P, perpindahan teknologi dan kerjasama antarabangsa dalam bidang pertanian harus terus digembung

Kepentingan mengurangkan import meningkatkan kadar mampu-diri seharusnya mendahului kepentingan untuk menambah eksport makanan. Walaupun DPN telah berjaya mengurangkan import barang makanan tertentu, tetapi kebanyakannya

Jadual 24.5
Imbangan Pembayaran Input Pertanian, 1996 & 1997 (RM Juta)

Input Pertanian	1996			1997		
	Eksport	Import	Imbangan Perdagangan	Eksport	Import	Imbangan Perdagangan
Makanan Ternakan Baja ¹	412.8	851.3	-438.6	316.4	991.7	-675.3
Racun Tanaman ²	298.9	944.6	-645.7	231.1	1,123.9	-892.8
Ubaran Ternakan	174.0	193.6	-19.6	162.0	199.5	-37.5
JUMLAH	23.3	81.2	-57.9	23.6	97.5	-73.9
	909	2,070.7	-1,161.8	733.1	2,412.6	-1,616.5

^{1,2}meliputi semua jenis tanaman termasuk komoditi utama

Sumber: Kementerian Pertanian Malaysia

merupakan barang makanan tidak penting, sebaliknya import barang makanan penting terus meningkat. Kadar mampu-diri barang makanan yang belum mencapai pengeluaran 100 peratus harus terus ditingkatkan. Sasaran kadar mampu-diri beras 65 peratus pada penghujung DPN II seharusnya dinilai semula ke satu kadar yang lebih tinggi atau sekurang-kurangnya mengekalkan kadar yang telah dicapai pada tahun 1995 (76 peratus) bagi mengurangkan pergantungan import beras.

Kurangnya keyakinan institusi kewangan untuk menyalurkan pinjaman kepada sektor pertanian merupakan salah satu sebab mengapa sektor pertanian terus dipinggirkan dalam pembangunan negara. Pada masa yang sama, pinjaman dan pendahuluan kepada sektor-sektor lain (perkilangan, perdagangan dan perumahan, perkhidmatan kewangan, perniagaan dan lain-lain) terus meningkat (*Jadual 24.6*).

Tabung Makanan yang diperkenalkan oleh kerajaan merupakan satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, ia hanya bersifat sementara. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan boleh campur tangan dengan memperkenalkan tabung khas (pada peratusan tertentu institusi kewangan) daripada jumlah pinjaman dan pendahuluan yang harus disalurkan kepada sektor pertanian. Selain itu, Bank Pertanian, Pertubuhan Peladang dan koperasi seharusnya berperanan penting sebagai sumber pinjaman dan pendahuluan.

Selain daripada meningkatkan pengeluaran, rantaian dengan industri makanan haruslah dipelbagaikan sama ada oleh pelabur tempatan atau asing. Keadaan sekarang, pelabur tempatan sukar mendapatkan pinjaman dan pendahuluan untuk pertanian manakala pelabur asing kurang berminat dengan industri makanan. Pada tahun 1993 jumlahnya hanya 2.9 peratus dan semakin berkurangan kepada 0.8 peratus pada tahun 1996 (*Jadual 24.7*).

Jadual 24.6
Pinjaman dan Pendahuluan

Institusi Kewangan	1980	1985	1990	1995	1997 (Jan-Sep)
Bank Perdagangan Sektor Pertanian	1,648.4 (7.8)	2,936.3 (6.0)	4,238.3 (5.2)	3,870.2 (2.2)	5,596.8 (2.1)
Jumlah pinjaman dan pendahuluan kepada semua sektor	21,031.1	48,981.2	80,758.0	176,007.4	260,461.0
Syarikat Kewangan Sektor Pertanian	485.8 (8.5)	712.6 (5.8)	1,014.9 (3.8)	835.3 (1.5)	1,182.4 (1.2)
Jumlah pinjaman dan pendahuluan kepada semua sektor	5,712.0	12,325.8	27,023.0	62,752.0	101,711.7

Angka dalam () = peratus daripada jumlah keseluruhan

Sumber: Laporan Bank Negara, Nov. 1997

Kementerian Pertanian Malaysia

Jadual 24.7
Pelaburan Asing, Malaysia 1970-1997 (RM Juta)

Tahun	Jumlah Pelaburan Asing di Malaysia		Pelaburan Asing dalam Pengilangan Makanan	% Sumbangan
	RM Juta	RM Juta		
1984	275	21.8		7.9
1985	959	56.6		5.9
1986	1,688	293.8		17.4
1987	2,060	202.6		9.8
1988	4,878	571.1		11.7
1989	8,653	290.7		3.4
1990	17,629	325.7		1.8
1991	17,055	232.9		1.4
1992	17,772	215.1		1.2
1993	6,287	185.1		2.9
1994	11,339	202.3		1.8
1995	9,143	119.4		1.3
1996	17,056	128.0		0.8

Sumber: Laporan Ekonomi, pelbagai tahun

Kesimpulan

Harga makanan telah meningkat dengan mendadak sejak berlaku krisis ekonomi yang melanda Malaysia dan jiran-jirannya. Krisis ekonomi mencetuskan kenaikan harga barang-barang makanan kerana Malaysia terlalu bergantung kepada negara luar untuk barang-barang ini. Rakyat Malaysia masih membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan untuk membeli makanan (ciri sebuah negara yang masih membangun). Oleh itu, dasar

1997
an-Sep)
.596.8
(2.1)
0.461.0
997
-Sep)
182.4
(1.2)
711.7

pertanian perlu memberi penekanan kepada pengeluaran makanan sebagai langkah menjamin "keselamatan makanan" yang membawa kepada kestabilan sosiopolitik.

Secara keseluruhan, peningkatan pendapatan negara telah menyebabkan import makanan terus-menerus meningkat dengan keanjalan yang menghampiri nilai 1.00. Unjuran import makanan mendapat jumlahnya akan terus meningkat, unjuran bagi pengeluaran dan kadar mampu diri semakin berkurangan (bagi barang-barang tertentu). Oleh itu, boleh dijangka bahawa jika tiada dasar tertentu, negara akan terus mengimport barang makanan dengan meningkatnya kemakmuran negara.

Sejak DPN pertama mula dilancarkan, import makanan tidak berkurangan, malah telah meningkat. Ini disebabkan dasar itu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana telah diserahkan kepada sektor swasta yang lebih mementingkan daya maju ekonomi sesuatu projek. Pengeluaran makanan pula telah mengalami perubahan yang tidak menentu dan tidak menepati sasaran DPN itu. Barang yang hendak dikurangkan pengeluaran telah mengalami peningkatan, dan barang yang hendak ditingkatkan pengeluaran tidak mencapai sasaran.

Import makanan tertentu telah menyebabkan defisit dalamimbangan pembayaran meningkat; ini merupakan justifikasi terkuat mengapa pengeluaran makanan dijadikan dasar utama pertanian negara. Import input-input pertanian terus menyumbang kepada defisit dalamimbangan pembayaran negara.

Sektor pertanian semakin "dipinggirkan" oleh institusi kewangan sejak tahun 1980 lagi. Ini mencerminkan berkurangnya permintaan untuk kredit pertanian oleh sektor swasta. Pelabur asing menunjukkan minat yang semakin pudar terhadap sektor pengilangan makanan di Malaysia. Ini memandangkan pulangan ke atas pelaburan modal dalam sektor ini mungkin tidak begitu menarik berbanding dengan sektor-sektor lain, seperti pembuatan elektrik dan elektronik.

Walaupun negara sedang mengejar era negara perindustrian, perancangan pertanian terutamanya perancangan pengeluaran dan pemprosesan makanan tidak harus dipinggirkan. Pembangunan sektor pertanian seharusnya dianggap sebagai pelengkap sektor perindustrian.

Tumpuan pembangunan terhadap sektor perindustrian sahaja tidak akan dapat menjamin kestabilan ekonomi dapat dikekalkan. Pergantungan terhadap import makanan yang berlebihan hanya akan melemahkan lagi kadar mampu-diri pengeluaran makanan dalam negara, tiada insentif untuk mencuba teknik pengeluaran yang baru, kurangnya daya saing keluaran makanan dalam negara dan kesan-kesan buruk yang lain.

Para penggubal dasar haruslah lebih prihatin kepada keperluan memantapkan sektor pertanian sebagai pelengkap kepada pembangunan ekonomi negara. Walaupun negara hendak menuju ke arah negara perindustrian, sektor pertanian tidak harus diabaikan, seperti yang tidak dilakukan oleh negara-negara maju. Kegagalan DPN I dan II diharap

menjadi pengajaran yang berguna dalam merangka DPN III. Kegawatan ekonomi yang membawa kepada kenaikan harga barang makanan jika tidak dikawal akan membawa kepada masalah-masalah ekonomi dan sosial yang lebih serius lagi jika tiada sebarang langkah yang drastik diambil bagi menyekat harga barang daripada terus meningkat.

Nota Akhir

¹ Utusan Malaysia, 12 Disember 1997

² Utusan Malaysia, 22 Disember 1997

³ Kementerian Pertanian 1994, Dasar Pertanian Negara: 3

Rujukan

Ahmad, M. A. (1993). *Pembangunan pertanian, ekonomi, dasar dan bukti empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asan Ali, G. H., & Ahmad, M. A. (1998). Dasar pertanian negara: Mengurangkan import makanan dan peningkatan kadar mampu diri. *Prosiding Seminar Kebangsaan Perancangan dan Pembangunan Dalam Era Globalisasi*. Fakulti Sains Pembangunan. Universiti Kebangsaan Malaysia. 8-9 Jun.

Asan Ali, G. H., & Ahmad, M. A. (1999). *Trend penggunaan dan import makanan 1970-1996*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Asan Ali, G. H. (1998). Menilai semula dasar pertanian negara. *MASSA*. Oktober. Bil.160. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Bhd.

Malaysia (1986). *Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Semenanjung Malaysia (1980), Sabah dan Sarawak (1982)*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.

Malaysia (1991b). *Sixth Malaysia Plan 1991-1995*. Kuala Lumpur: Government Press.

Malaysia (1994). *Dasar Pertanian Negara (1992-2010)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia.

Malaysia (1995). *Buku Perangkaan Pertanian 1995*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia.

Malaysia. 1995. *Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, 1993/94*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.

Malaysia (1996). *Seventh Malaysia Plan 1996-2000*. Kuala Lumpur. National Press.

Malaysia (1997). *Pendaangan Import dan Ekport Makanan dan Hasil Pertanian*. Kuala Lumpur. Kementerian Pertanian Malaysia.